

UiTM, USM, UKM sedia pusat kuarantin pelajar

Oleh [Latifah Arifin](#) - Mei 7, 2021 @ 8:35pm

latifah@bh.com.my



MELAKA 07 MEI 2021. Suasana penghantaran pulang pelajar di UiTM Melaka. STR/ NAZRI ABU BAKAR

KUALA LUMPUR: Universiti Teknologi MARA (UiTM) menyediakan pusat kuarantin khusus untuk menempatkan pelajar yang pulang semula ke kampus dari kawasan dikuatkuasakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) selepas Aidilfitri.

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) menjalankan fungsi Naib Canselor, Prof Dr Roziah Janor, berkata kira-kira 7,000 pelajarnya dari seluruh kampus UiTM akan dikuarantin selama 10 hari selepas pulang berhari raya.

"Sepanjang tempoh kuarantin, pelajar akan ditempatkan di kolej tertentu yang dijadikan pusat kuarantin. UiTM juga akan memastikan kebajikan dan keselamatan pelajar terjamin. Pelajar akan diberi pilihan untuk mendapatkan makanan harian mereka melalui pihak penyedia makanan yang telah UiTM sediakan," katanya ketika dihubungi BH, hari ini.

Katanya, setiap pelajar akan ditempatkan dalam bilik berasingan dan pihaknya menjangkakan tidak berlaku kekangan tempat memandangkan pengajian bagi semester ini masih dijalankan secara dalam talian.

Beliau turut memaklumkan, pihak kampus dan fakulti akan menyusun penjadualan untuk pelajar kembali ke kampus secara berperingkat mengikut keperluan akademik mereka.



SHAH ALAM, 7 Mei – Reaksi sebahagian pelajar Universiti Teknologi Mara (UiTM) yang menunggu untuk dibawa pulang ke kampung sempena cuti perayaan Aidilfitri di Dewan Agung Tuanku Canselor UiTM Shah Alam hari ini. Seramai 400 pelajar UiTM dari kampus induk, Puncak

Perdana, Puncak Alam, Sungai Buloh, Permatang Pauh, Bertam, Sri Iskandar, Tapah dan Sungai Petani pulang ke kampung halaman masing-masing melibatkan 14 buah bas dalam Ops Pulang Aidilfitri bermula hari ini secara bersekala hingga 12 Mei ini.--fotoBERNAMA (2021) HAK CIPTA TERPELIHARA

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pembangunan Pelajar dan Alumni, Universiti Sains Malaysia (USM), Prof Dr Aldrin Abdullah, berkata secara keseluruhannya, seramai 3,123 pelajar akan pulang semula ke kampus selepas 20 Mei.

"USM mempunyai kemudahan penginapan yang mencukupi untuk memenuhi keperluan pengasingan kerana bilangan pelajar yang datang pada satu masa tidak melebihi 50 peratus dengan proses kemasukan dilakukan secara berperingkat. Mereka yang menjalani pengasingan akan mengikuti kuliah secara dalam talian," katanya.

Dalam pada itu, Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Datuk Dr Mohd Ekhwan Toriman, berkata pelajar yang balik ke kampus akan menjalani saringan kesihatan dan seterusnya menjalani proses pemantauan sendiri selama 10 hari di kolej kediaman.

"Bagi mana-mana pelajar yang mengalami sebarang gejala sepanjang tempoh pemantauan sendiri, mereka akan ditempatkan di pusat pengasingan berisiko menerusi pemantauan rapi. UKM komited bagi memastikan proses ini berjalan dengan lancar menerusi kerjasama pusat seperti HEP UKM, Pusat Perumahan pelajar, Pusat Kesihatan Universiti, Bahagian Keselamatan dan Unit Kenderaan," katanya.



Sebahagian pelajar Universiti Teknologi Mara (UiTM) menunjukkan surat pelepasan pulang ke kampung sempena cuti perayaan Aidilfitri di Dewan Agung Tuanku Canselor UiTM Shah Alam hari ini. - foto BERNAMA

Katanya, dianggarkan seramai 6,000 pelajar UKM akan pulang semula selepas Aidilfitri, ini termasuk bagi penutup yang memohon untuk kembali ke kampus bagi fasa tiga.

Mengulas kaedah isolasi yang digunakan, beliau berkata, setiap pelajar ditempatkan dalam satu bilik dan mereka perlu mengikuti kuliah yang akan bermula pada 17 Mei secara dalam talian.

Semalam, Pengarah Bahagian Mahasiswa Holistik Jabatan Pendidikan Tinggi, Dr Mohd Suzeren Md Jamil memaklumkan, pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) yang pulang berhari raya dari kawasan PKP diwajibkan menjalani proses pengasingan selama 10 hari apabila kembali semula ke kampus.

Dalam tempoh itu, pelajar terbabit tidak digalakkan bertemu atau bersama rakan pelajar lain.